


Emmy Hermina Nathasia



# Teknik Membaca Pantas

Pada awal abad ke-20, teknik membaca pantas merupakan teknik membaca yang popular apabila berlaku ledakan dalam bidang penerbitan iaitu pengeluaran buku melebihi kemampuan biasa membaca. Oleh itu, kursus membaca pantas menjadi terkenal dalam kalangan pembaca.

Ketika Perang Dunia Kedua, pakar strategi tentera perlu menghasilkan satu teknik agar juruterbang dapat menangkap objek yang bergerak pantas di udara. Maka *tachistoscope* dibina, iaitu mesin yang memaparkan imej dalam tempoh yang pantas pada skrin. Melalui latihan yang konsisten, juruterbang menjadi mahir dalam menangkap objek yang bergerak pantas dalam skrin.

Walau bagaimanapun, terdapat persepsi negatif terhadap teknik membaca pantas kerana ada yang beranggapan bahawa teknik tersebut mampu mengurangkan daya kefahaman pembaca. Namun realitinya, otak manusia dapat menerima maklumat dengan lebih mudah apabila maklumat dikelompokkan. Maklumat yang disusun dalam kelompok atau kumpulan kecil memudahkan otak berhubung dengan pantas. Oleh itu, kita perlu mempelajari kaedah atau teknik membaca dengan betul.

Hasil kajian Tony Buzan, pengasas peta minda yang telah bergiat selama 50 tahun dalam industri penerbitan dan pembukuan mendapati bahawa membaca pantas dapat membantu pembaca meningkatkan fokus dan daya ingatan, berfikir dengan lebih kreatif dan menjimatkan masa.

Tahukah anda ujian membaca pantas dunia dilaksanakan dengan menggunakan novel sebagai bahan bacaan, dan bukannya buku bukan fiksyen? Anne Jones membaca *Harry Potter and the Deadly Hollows* yang mengandungi antara 600 ke 700 muka surat (bergantung pada edisi) dalam rekod 47 minit 1 saat. Selepas itu, Jones menulis ulasan buku tersebut dalam surat khabar dan telah membuktikan bahawa teknik ini bukan sahaja menjimatkan masa membaca, malah menguatkan ingatan dan meningkatkan kefahaman.

Kepantasan	Tahap
100 – 200 psm	Lemah
200 – 400 psm	Sederhana
400 – 900 psm	Baik
1000 dan ke atas psm	Cemerlang

Jadual 1 Kadar kepantasan membaca.

Secara umumnya, purata kadar kepantasan membaca bagi pelajar universiti dan dewasa berada antara 200 hingga 250 patah perkataan seminit, iaitu berada pada tahap sederhana. Namun sekiranya seorang dewasa tersebut

bukan seorang pembaca aktif, kadar kepantasan membaca biasanya berada pada tahap lemah.

Mungkin ada antara kita yang sebenarnya membaca pantas, namun tidak mengamalkan teknik berkenaan dengan berkesan. Selain itu, antara kelemahan kita pada masa ini ialah kurangnya membaca bahan bacaan panjang yang memerlukan fokus dan konsentrasi tinggi. Rata-rata kita lebih suka untuk membaca hantaran dalam media sosial yang pendek. Hal ini disebabkan oleh daya fokus kita semakin lemah disebabkan penggunaan media sosial yang kerap. Bagi pembaca yang ingin mengetahui tahap kepantasan membaca, anda boleh uji dengan membuat latihan 1 minit dalam "Speed Reading Test Online".

### Penerokaan Kemahiran Membaca Pantas

Membaca merupakan aktiviti yang melibatkan pergerakan mata. Mata dapat menangkap perkataan dan menghubungkan maksud. Pergerakan mata penting dalam mempelajari teknik membaca pantas. Kita sering beranggapan bahawa apabila membaca, mata akan bergerak searah (linear) mengikut ayat yang dibaca. Namun sebenarnya, apabila membaca, mata akan membuat lompatan kecil yang kerap secara tidak sedar dan tanpa kawalan.

Terdapat beberapa perkara yang boleh kita fokus dan kawal sewaktu 'lompatan mata', iaitu kepantasan mata melompat menangkap perkataan, tempoh masa mata berhenti di sesuatu tempat dan jarak lompatan oleh pembaca (panjang, lebar, pendek, dekat). Persoalan di sini, bagaimanakah kita mahu mengawal pergerakan mata agar menjadi lebih konsisten – yang kemudiannya menyumbang kepada kepantasan membaca?

Kaedah pertama ialah membaca dengan menggunakan penunjuk. Penulis yakin pembaca masih ingat sewaktu kita kecil, biasanya kita akan mengaji muqaddam atau al-Quran menggunakan penunjuk (sama ada kayu atau jari). Penggunaan penunjuk membolehkan kita dapat fokus membaca. Penunjuk membantu mata untuk melihat lebih daripada lima ke enam patah perkataan dalam suatu masa apabila penunjuk diletakkan di ruang antara barisan.

Kaedah kedua ialah menggunakan penglihatan sisi (peripheral vision). Kaedah ini seringkali digunakan dalam kalangan ibu bapa. Sebagai contoh, apabila si ibu sedang bercakap dengan suami, namun hujung matanya dapat menangkap si anak yang hendak terjatuh dalam longkang kerana si anak tersebut berada dalam penglihatan sisi.

Kaedah ketiga ialah memegang buku atau peranti membaca pada jarak jauh dari mata berbanding dengan kebiasaan. Jarak ini akan membantu anda melebarkan penglihatan sisi yang membolehkan anda meninjau teks berikutnya atau yang berada di sekelilingnya bagi

menangkap maksud dan bukannya membaca sepatah-sepatah.

### Teknik Asas Membaca Pantas

Perbezaan antara teknik imbas dan bacaan selayang adalah seperti jadual di bawah. Bagi penulis, mengimbas lebih mudah dilakukan berbanding dengan bacaan selayang.

Imbas	Selayang
Mengimbas	Bacaan Selayang
Proses mencari maklumat tertentu	Proses melihat gambaran umum
Tumpuan terhadap mencari perkataan tertentu seperti nama dan nombor	Proses apabila mata meliputi seksyen tertentu yang dipilih untuk mendapat gambaran umum

**Jadual 2** Perbezaan antara teknik imbas dengan bacaan selayang.

Kebiasaannya dalam struktur artikel atau rencana, terdapat perenggan pertama yang mengandungi mukadimah dan pernyataan secara umum. Kemudian perenggan tengah yang mengandungi isi penting, penerangan, butiran, contoh dan kajian kes. Seterusnya perenggan akhir yang mengandungi penutup dan rumusan.

Kemudiannya, terdapat tiga fungsi perenggan iaitu perenggan keterangan, perenggan huraian dan perenggan penghubung.

Perenggan keterangan terdiri daripada satu atau dua ayat pertama yang memberikan idea umum berkaitan isu yang akan diterangkan. Kemudiannya, dalam perenggan keterangan juga, terdapat satu atau dua ayat akhir yang mengandungi keputusan atau kesimpulan. Kebiasaannya pada pertengahan ayat akan mengandungi butiran bagi idea yang disebut dalam satu atau dua ayat pertama dalam perenggan ini.

Seterusnya, perenggan huraian berfungsi untuk mengembangkan idea yang telah diperkenalkan dalam perenggan sebelum itu. Dalam perenggan ini, kebiasaannya mengandungi lebih banyak huraian, maklumat dan fakta. Perenggan penghubung pula berfungsi untuk menghubungkan input sebelum dan selepas. Perenggan ini memainkan peranan penting kerana mengandungi jumlah maklumat dan input yang banyak.

Kaedah tersebut sesuai digunakan untuk pelajar atau mereka yang mencari input yang spesifik dan pada masa yang sama, mereka perlu membaca dengan banyak dalam tempoh masa yang terhad. Contohnya, perlu penyediaan teks ucapan.

## Teknik Membaca Pantas Bagi Lima Perenggan

1 Baca perenggan pertama

2 Baca ayat pertama/dua perenggan kedua hingga keempat

3 Baca ayat akhir/dua akhir perenggan kedua hingga keempat

4 Baca perenggan akhir

5 Baca perincian dalam perenggan dua hingga sempat (sekiranya perlu)

Terdapat kaedah lain untuk membaca pantas yang dikongsikan oleh Tony Buzan dalam bukunya, *The Speed Reading Book* iaitu dengan mempercepat ritma bacaan menggunakan detikan seminit. Kaedah yang pertama ialah pilih sebuah buku ringan yang anda suka baca. Kedua, pilih teks dalam buku yang anda ingin baca dan tetapkan penggera selama lima minit. Mula membaca, dan berhenti hanya setelah jam berbunyi. Kemudian, kira dan catat jumlah patah perkataan yang anda baca dalam tempoh tersebut. Selepas itu, tetapkan semula penggera dan sambung bacaan. Berhenti selepas lima minit dan kira patah perkataan yang telah dibaca. Ulang semula proses sehingga anda dapat mempercepatkan ritma membaca dan menambah bilangan patah perkataan. Bagi membaiki ritma membaca, cuba berlatih secara konsisten setiap hari. 4

Antara cabaran yang dihadapi dalam mempelajari teknik membaca pantas ialah sub-vokalisasi, iaitu kecenderungan untuk menyebut perkataan yang dibaca dalam hati atau dengan kuat. Perkara ini berlaku disebabkan oleh cara kita diajar mengeja (fonetik/fonik). Cara untuk mengatasi isu ini ialah dengan berlatih membaca menggunakan teknik mempercepat ritma bacaan.

Cabaran seterusnya ialah regresi, iaitu tabiat mengulang kembali apa yang telah dibaca (patah balik). Tabiat ini akan memperlambatkan kelajuan membaca dan pembaca akan menggunakan masa yang panjang untuk membaca yang mempunyai perkaitan dengan isu fokus. Sekiranya kita kurang fokus terhadap apa-apa yang dibaca, kita akan terpaksa mengulang semula bacaan kerana tidak tahu apa yang dibaca sebentar tadi. Tip untuk mengatasi isu ini ialah dengan memaksa diri supaya tidak mengulang bacaan dan mempercepatkan ritma bacaan.

Tiada cara mudah untuk membaca pantas melainkan dengan latihan berterusan dan konsisten. Penulis sarankan agar pembaca fokus terhadap menguasai satu atau dua teknik terlebih dahulu. Pilih bahan bacaan yang santai sama ada fiksiyen atau bukan fiksiyen, bergantung pada keselesaan diri. Tetapkan sasaran dengan menggunakan kadar kepantasan membaca sebagai panduan bagi menambah baik kemahiran.

Bagi yang baru pertama kali mempelajari teknik membaca pantas, disarankan agar pembaca mencari latihan di Internet. Biasanya latihan disediakan dalam bentuk membaca artikel yang disertai ujian kefahaman. Buat latihan secara konsisten, setiap hari selama dua puluh minit. Ukur kadar kepantasan membaca sebelum dan selepas secara berkala agar anda tahu sama ada terdapat progres dan perubahan. Selepas ada peningkatan, anda boleh cuba menukar bahan bacaan lain yang lebih sukar.

Bagi pemula, penulis sarankan agar pembaca memilih buku *The Speed Reading Book*, tulisan Tony Buzan. Buku ini terdapat dalam versi bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Buku ini mudah untuk dibaca dan difahami, dan disertai dengan contoh bagi meningkatkan kefahaman pembaca. - **tr**



Antara buku yang boleh dijadikan rujukan kepada pembaca untuk mengetahui teknik membaca pantas.